



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**  
 Kementerian Kesihatan Malaysia  
 Aras 12, Blok E7, Kompleks E  
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
 62590 PUTRAJAYA



Tel : 603-88832545  
 Faks : 603-88895542  
 Web : anhisam@moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM.600-1/3/347JLD2 (8)  
 Tarikh : 29 Disember 2017

Semua Pengarah Kesihatan Negeri/Wilayah Persekutuan  
 Semua Pengarah Hospital/ Institusi Perubatan Khas

*Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,*

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN  
 BIL 13 /2017**

**GARIS PANDUAN PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN DI  
 FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**1. TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan Garis Panduan Penubuhan Lembaga Perubatan Di Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia

Objektif garis panduan ini untuk menyelaraskan proses permohonan, penubuhan dan pelaksanaan Lembaga Perubatan di Fasiliti KKM.

**2. LATAR BELAKANG**

Garis Panduan Penubuhan Lembaga Perubatan di Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia adalah Kajian semula Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil 18/2010 – Garis panduan Penubuhan Lembaga Perubatan Di Jabatan Kesihatan Negeri, Institusi Perubatan Dan Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia yang diterbitkan pada Jun 2010. Bagi tujuan penambahbaikan garis panduan sediaada, kajian semula telah dilaksanakan dengan mengambilkira pekeling-pekeling yang berkaitan dengannya.



### **3. GARIS PANDUAN PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN DI FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Garis panduan Penubuhan Lembaga Perubatan ini merangkumi tindakan-tindakan yang perlu dilaksanakan oleh pegawai yang bertanggungjawab didalam meningkatkan kecekapan pengurusan penubuhan Lembaga Perubatan di Jabatan Kesihatan Negeri dan hospital/ institusi yang terlibat.

### **4. TANGGUNGJAWAB**

4.1 Pengarah Kesihatan Negeri akan bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaannya di peringkat negeri.

4.2 Pengarah Hospital/Institusi adalah bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan garis panduan ini dipatuhi.

### **5. PELAKSANAAN**

Garis panduan Penubuhan Lembaga Perubatan ini berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan. Dengan ini **Garis panduan Penubuhan Lembaga Perubatan Di Jabatan Kesihatan Negeri, Institusi Perubatan Dan Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia yang diterbitkan pada Jun 2010** adalah terbatal.

### **6. PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan Garispanduan penubuhan Lembaga Perubatan Perubatan ini hendaklah dikemukakan ke alamat :

Pengarah Perkembangan Perubatan,  
Bahagian Perkembangan Perubatan,  
Unit Perkhidmatan Pengurusan Hospital,  
Aras 5, Blok E1, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
Kementerian Kesihatan Malaysia,  
62590 Putrajaya  
Tel : 0388831143 Fax : 0388831150



Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

*Yang Ikhlas,*

  
**(DATUK DR. NOOR/HISHAM BIN ABDULLAH)**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k

- Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam )
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan(Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
- Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian
- Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
- Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan
- Pengarah Bahagian Amalan
- Penasihat Undang-undang, Pejabat Undang-undang
- Pengarah Bahagian Telekesihatan
- Pengarah Bahagian Perancangan
- Setiausaha Bahagian, Bahagian Khidmat Pengurusan
- Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan
- Pengarah Bahagian Kejururawatan
- Pengarah Pusat Darah Negara
- Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat
- Pengarah Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
- Pengarah Arkib Negara Malaysia

**KANDUNGAN**

## Garis panduan Penubuhan Lembaga Perubatan Di Fasiliti KKM

<b>Kandungan</b>	<b>Mukasurat</b>
Pengenalan	3
Objektif	3
Kuasa Menubuhkan Lembaga Perubatan	3
Tanggungjawab Pengurusan Penubuhan Lembaga Perubatan	4
Ahli – ahli Lembaga Perubatan	4
Kategori Penubuhan Lembaga Perubatan	5
Kriteria Bila Lembaga Perubatan Boleh Ditubuhkan	5 - 6
Dokumen Yang Diperlukan Bagi Penubuhan Lembaga Perubatan	6 - 7
Format Laporan Lembaga Perubatan	8 - 9
Bayaran Penubuhan Lembaga Perubatan	9
Persidangan Penubuhan Lembaga Perubatan	9
Penubuhan Lembaga Perubatan Semula	10
Pembatalan Penubuhan Lembaga Perubatan	10
Fasiliti Dan Kriteria Penubuhan Lembaga Perubatan	10
Statistik	10
Tanggungjawab Pengarah Kesihatan Negeri / Hospital Kuala Lumpur / Yayasan Perubatan Persekutuan	10
Penutup	11
Carta Aliran , Senarai Semak dan Proses Kerja Penubuhan Lembaga Perubatan	12 - 24
Borang Permohonan dan Laporan Penubuhan Lembaga Perubatan	25 - 39
Surat Menyurat Penubuhan Lembaga Perubatan di Peringkat JKN/Hospital Kuala Lumpur/Yayasan Perubatan Persekutuan	40 - 47
Surat Menyurat Penubuhan Lembaga Perubatan di Peringkat Hospital/Hospital Kuala Lumpur/Yayasan Perubatan Persekutuan	48 - 57
Statistik Penubuhan Lembaga Perubatan	58
Senarai Permohonan Penubuhan Lembaga Perubatan	59

<b>Kandungan</b>	<b>Mukasurat</b>
Laporan Ringkas Tahap Kebolehan Pegawai Melaksanakan Tugas	60
Laporan Ringkas Tahap Kebolehan Pegawai Melaksanakan Tugas (Psikiatri)	61
Laporan Kaunseling	62
Senarai Badan Berkanun bagi Tujuan Penubuhan Lembaga Perubatan (Bayaran RM200.00)	63 - 71
Rujukan	72
Senarai Jawatankuasa	73 - 76

## **1.0 PENGENALAN**

Garis panduan ini merupakan penambahbaikan pada Garis panduan Penubuhan Lembaga Perubatan di Jabatan Kesihatan Negeri, institusi dan hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil 18/2010 bertarikh 4 Jun 2010.

## **2.0 OBJEKTIF**

### **2.1 Objektif Umum**

Untuk menyelaraskan proses permohonan, penubuhan dan pelaksanaan Lembaga Perubatan di Fasiliti KKM.

### **2.2 Objektif Khusus**

- 2.2.1 Memastikan tatacara proses penyediaan penubuhan Lembaga Perubatan mematuhi akta, Perintah Am, pekeliling dan lain-lain peraturan yang berkaitan
- 2.2.2 Komposisi ahli Lembaga Perubatan diperkukuhkan lagi mengikut syarat dan keperluan dalam penubuhan Lembaga Perubatan.
- 2.2.3 Sebagai rujukan kepada pelanggan bagi proses pengurusan penubuhan Lembaga Perubatan.

## **3.0 KUASA MENUBUHKAN LEMBAGA PERUBATAN**

- 3.1 Pengarah Kesihatan Negeri/Pengarah Hospital Kuala Lumpur/ Yayasan Perubatan Persekutuan yang berkuasa menubuhkan sebuah Lembaga Perubatan dan melantik mana-mana Pegawai Perubatan/ Pegawai Perubatan Pakar untuk menjadi ahli dalam Lembaga Perubatan yang ditubuhkan.
- 3.2 Semua permohonan untuk menubuhkan Lembaga Perubatan mestilah dibuat melalui Jabatan Kesihatan Negeri/Hospital Kuala Lumpur/ Yayasan Perubatan Persekutuan.

## 4.0 TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN

Pegawai/Penolong Pegawai Rekod Perubatan JKN/Hospital Kuala Lumpur/Yayasan Perubatan Persekutuan bertanggungjawab menguruskan semua dokumen berkaitan dengan permohonan Penubuhan Lembaga Perubatan

## 5.0 AHLI – AHLI LEMBAGA PERUBATAN

- 5.1 Lembaga Perubatan hendaklah dianggotai oleh tidak kurang daripada dua (2) orang Pegawai Perubatan / Pegawai Perubatan Pakar yang mana salah seorang daripadanya hendaklah merupakan pakar dalam jenis penyakit atau kecederaan yang dialami oleh pegawai yang akan diperiksa.
- 5.2 Lembaga Perubatan hendaklah dipengerusikan oleh Pengarah Hospital/Yayasan Perubatan Persekutuan /Timbalan Pengarah Hospital (Perubatan/Klinikal)/ Ketua Jabatan/ Pakar Klinikal. Namun begitu, Lembaga Perubatan masih boleh bersidang sekiranya terdapat hanya Pengerusi dan seorang ahli yang menganggotai Lembaga Perubatan tersebut.
- 5.3 Lembaga Perubatan yang ditubuhkan tidak boleh dipengerusikan atau dianggotai oleh mana-mana Pegawai Perubatan/ Pegawai Perubatan Pakar yang pernah merawat pegawai yang akan diperiksa kecuali bagi kes Skim *Ex-Gratia*.
- 5.4 Bagi penubuhan Lembaga Perubatan Skim *Ex-Gratia* penyakit khidmat, salah seorang ahli lembaga hendaklah terdiri daripada Pakar Kesihatan Pekerjaan.
- 5.5 Dalam keadaan teristimewa dan dengan persetujuan Ketua Jabatan atau kuasa tertentu yang memohon, Ketua Jabatan Kesihatan Negeri atau Ketua Yayasan Perubatan Persekutuan boleh melantik seorang Pegawai Perubatan swasta yang difikirkan sesuai sebagai ahli Lembaga Perubatan.
- 5.6 Semua ahli Lembaga Perubatan yang dilantik perlu menandatangani Surat Akujanji . Rujuk Lampiran **PLP B6/ PLP B6.1**.

## 6.0 KATEGORI PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN

Kategori Penubuhan Lembaga Perubatan adalah seperti berikut:

6.1 Persaraan Atas Sebab-Sebab Kesihatan

6.2 Pemeriksaan Kesihatan

6.3 Arahan Kementerian Kesihatan Malaysia

6.3.1 Rawatan di luar negeri

Apabila pegawai atau keluarganya perlu diperiksa untuk mendapatkan rawatan luar negeri kerana tiada rawatan sedemikian di negeri ini.

6.3.2 Lain-lain keadaan dimana Lembaga Perubatan perlu ditubuhkan atas arahan Kementerian Kesihatan Malaysia contohnya pembelian ubat / alat / perkhidmatan perubatan/ rawatan.

6.4 WP 6.3 Skim *Ex-Gratia* Bencana Kerja Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dan yang berkaitan dengannya.

## 7.0 KRITERIA BILA LEMBAGA PERUBATAN BOLEH DITUBUHKAN

Bersesuaian dengan peruntukan dalam Perintah Am Bab F Lembaga Perubatan boleh ditubuhkan atas sebab-sebab berikut:

7.1 Apabila seseorang pegawai didapati tidak sihat setelah menghabiskan semua cuti-cuti sakit biasanya;

7.2 Apabila seorang Pegawai Perubatan berpendapat bahawa tiada harapan untuk pegawai menjadi sihat untuk bertugas;

7.3 Apabila pada tiap-tiap tahun dalam masa tiga (3) tahun yang berturut-turut pegawai itu telah bercuti sakit sebanyak 45 hari atau lebih;

7.4 Apabila kesiuman otak atau kesihatan badan pegawai diragui;

7.5 Apabila pegawai telah tercedera/ mengalami penyakit khidmat semasa bertugas;

7.6 Apabila pegawai disahkan menghidap penyakit tibi, kusta atau barah;



7.7 Apabila pegawai atau keluarganya perlu diperiksa untuk mendapatkan rawatan di luar negeri kerana tiada rawatan sedemikian di negeri ini

7.8 Lain-lain keadaan dimana Lembaga Perubatan perlu ditubuhkan atas arahan Kementerian Kesihatan Malaysia contohnya bagi urusan pembelian ubat / alat / perkhidmatan perubatan/ rawatan/cuti lanjutan.

## **8.0 DOKUMEN YANG DIPERLUKAN BAGI PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN**

Dokumen yang diperlukan bagi tujuan proses permohonan ;

### **8.1 Kemungkinan Persaraan Atas Sebab-Sebab Kesihatan;**

8.1.1 Surat permohonan penubuhan Lembaga Perubatan mengikut format **Lampiran “A” (P.P. 10/1995)** beserta **Lampiran “B” (P.P. 10/1995)**

8.1.2 Laporan Perubatan terkini (rawatan terakhir)

8.1.3 Senarai tugas pegawai

8.1.4 Laporan ringkas tahap kebolehan pegawai melaksanakan tugas. – Rujuk Lampiran **PLP J1/PLP J2**

8.1.5 Kenyataan cuti sakit untuk 3 tahun berturut-turut dan salinan cuti sakit pegawai yang disahkan oleh jabatan berkenaan (jika perlu).

8.1.6 Laporan Kaunseling - **PLP J3** (jika Perlu)

### **8.2 Pemeriksaan Kesihatan (Perintah Am Bab “C” & Bab “F”)**

8.2.1 Surat permohonan penubuhan Lembaga Perubatan mengikut format **Lampiran “A” (P.P. 10/1995)** beserta **Lampiran “C” (P.A. “F” 20)** atau **Lampiran “C1”**

8.2.2 Laporan Perubatan terkini (rawatan terakhir).

8.2.3 Senarai tugas pegawai

8.2.4 Laporan ringkas tahap kebolehan pegawai melaksanakan tugas oleh ketua jabatan – Rujuk Lampiran **PLP J1/PLP J2**

- 8.2.5 Kenyataan cuti sakit untuk 3 tahun berturut-turut dan salinan cuti sakit pegawai yang disahkan oleh jabatan berkenaan (jika perlu)
- 8.2.6 Caj Bayaran kepada Kerajaan Negeri, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, *Government Link Companies* (GLC) dan Agensi Swasta berdasarkan Akta Fi - Rujuk Lampiran **PLP R1**.
- 8.2.7 Laporan Kaunseling **PLP J3** (jika perlu)

### **8.3 Atas Arahan Kementerian Kesihatan Malaysia**

- 8.3.1 Rujuk Pekeliling Perkhidmatan Bil 21 Tahun 2009:  
Borang Perubatan 3/09: Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan
- 8.3.2 Surat arahan penubuhan Lembaga Perubatan.
- 8.3.3 Laporan Perubatan terkini
- 8.3.4 Senarai tugas pegawai (jika perlu)
- 8.3.5 Laporan ringkas tahap kebolehan pegawai melaksanakan kerja.-  
Rujuk Lampiran **PLP J1 / PLP J2**
- 8.3.6 Kenyataan cuti sakit pegawai (jika perlu)

### **8.4 WP 6.3 Skim *Ex-Gratia* Bencana Kerja Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dan berkaitan dengannya.**

- 8.4.1 Surat permohonan penubuhan Lembaga Perubatan/Lembaga Perubatan Khas bagi tujuan tuntutan bayaran Skim *Ex-Gratia* Bencana Kerja- mengikut format **Lampiran D2** beserta **Lampiran D3**
- 8.4.2 Laporan Perubatan terkini (rawatan terakhir)
- 8.4.3 Senarai tugas pegawai
- 8.4.4 Laporan ringkas tahap kebolehan melaksanakan tugas –  
Rujuk Lampiran **PLP J1 / PLP J2**
- 8.4.5 Kenyataan cuti sakit semasa bencana berlaku.

## 9.0 FORMAT LAPORAN LEMBAGA PERUBATAN

9.1 Laporan Lembaga Perubatan hendaklah dibuat dengan menggunakan format berikut:

**i) Tujuan persaraan**

**Lampiran “B” P.P 10/1995.** (Laporan Lembaga Perubatan Mengenai Persaraan Atas Sebab Kesihatan Di Bawah Seksyen 10(5) (a), Akta Pencen 1980 (Akta 227).

**ii) Tujuan pemeriksaan kesihatan**

**Lampiran “C”** (Laporan Lembaga Perubatan P.A. “F” 20) Laporan Perubatan Tentang Seorang Pegawai Dalam Perkhidmatan Kerajaan atau **Lampiran “C1”**- Laporan Lembaga Perubatan Tentang Seorang Pegawai di Sektor Swasta.

**iii) Atas Arahan Kementerian Kesihatan**

Mengikut format yang telah ditetapkan.

**iv) Skim *Ex-Gratia***

**Lampiran D3** – Laporan Lembaga Perubatan /Lembaga Perubatan Khas/Rayuan bagi permohonan Skim *Ex-Gratia* Bencana Kerja. Merujuk 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) WP 6.3 berkuatkuasa mulai 1 Julai 2015 dan perlu dibaca bersama Garis Panduan Diagnosa Penyakit Khidmat yang dikeluarkan oleh PERKESO untuk lain-lain maklumat yang ditentukan. Contohnya:- Keputusan *Lung Function Test* diperlukan bagi kes Skim *Ex-Gratia* untuk Diagnosis Smear Positif Pulmonary Tuberculosis.

9.2 Di peringkat hospital, Laporan Lembaga Perubatan hendaklah disediakan dalam empat (4) salinan asal:

- Tiga (3) dihantar ke Jabatan Kesihatan Negeri dan;
- Satu (1) untuk simpanan.

9.3 Di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri/ Hospital Kuala Lumpur / Yayasan Perubatan Persekutuan:

- Dua (2) salinan asal akan dihantar kepada pemohon dan;
- Satu (1) salinan asal untuk simpanan .



- 9.4 Laporan Lembaga Perubatan hendaklah dikemukakan kepada pemohon dalam tempoh **60 hari bekerja** dari tarikh permohonan lengkap diterima di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri/Hospital Kuala Lumpur/ Yayasan Perubatan Persekutuan.

## **10.0 BAYARAN PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN**

- 10.1 Jumlah bayaran adalah RM 200.00 (Caj Bayaran kepada Badan Berkanun, Government Link Companies (GLC) dan Agensi Swasta berdasarkan Akta Fi (Perubatan) (Pindaan) 2003 – Rujuk **PLP R1**)
- 10.2 Cara pembayaran:
- Bayaran hendaklah dibuat secara tunai, cek/wang pos atas nama pengarah hospital atau cara-cara pembayaran lain yang ditetapkan oleh KKM.

## **11.0 PERSIDANGAN PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN**

- 11.1 Pesakit perlu hadir semasa persidangan. Walaubagaimanapun bagi kes-kes tertentu, panel Lembaga Perubatan boleh mengecualikan pesakit untuk hadir.
- 11.2 Majikan perlu hadir semasa Lembaga Perubatan bersidang. Walaubagaimanapun jika wakil majikan yang hadir, beliau mestilah boleh membuat keputusan.
- 11.3 Sekiranya maklumat tambahan diperlukan, ahli Lembaga Perubatan boleh mendapatkan maklumat ini daripada:
- i. Pegawai Perubatan yang pernah merawat pesakit
  - ii. Majikan atau wakil yang boleh memberi maklumat bagi pihak Jabatan.
  - iii. Ahli keluarga/ waris terdekat
  - iv. Pegawai Perubatan Swasta

## **12.0 PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN SEMULA**

Lembaga Perubatan akan bersidang semula apabila:

- a) Ahli panel menangguhkan keputusan atas status kesihatan pesakit
- b) Pesakit tidak hadir dengan sebab.

### **13.0 PEMBATALAN PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN**

Lembaga Perubatan akan dibatalkan sekiranya pesakit tidak hadir tanpa sebab ataupun pesakit meninggal dunia .

### **14.0 FASILITI DAN KRITERIA PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN**

Penubuhan Lembaga Perubatan boleh ditubuhkan di fasiliti dengan kriteria seperti berikut :

- a) Fasiliti yang ada kepakaran penyakit dan pesakit mendapat rawatan di fasiliti tersebut.
- b) Fasiliti yang ada kepakaran penyakit tetapi pesakit mendapat rawatan di fasiliti lain.
- c) Fasiliti yang tiada kepakaran dan pesakit mendapat rawatan di tempat lain.  
Kepakaran luar dibawa/panggil untuk hadir dalam penubuhan Lembaga Perubatan ini.

### **15.0 STATISTIK**

Statistik mengenai Penubuhan Lembaga Perubatan hendaklah dikemukakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri/Hospital Kuala Lumpur/ Yayasan Perubatan Persekutuan ke Bahagian Perkembangan Perubatan setiap enam (6) bulan dengan menggunakan format seperti di Lampiran **PLP B8**

### **16.0 TANGGUNGJAWAB PENGARAH KESIHATAN NEGERI / HOSPITAL KUALA LUMPUR / YAYASAN PERUBATAN PERSEKUTUAN**

- 16.1 Memastikan garis panduan ini dipatuhi dan dilaksanakan dengan berkesan. Semua Ketua Jabatan/Unit perlu diberi taklimat mengenai perkara-perkara yang terdapat dalam garis panduan ini.
- 16.2 Garis panduan ini dibaca bersama dengan Pekeliling yang berkaitan.

### **17.0 PENUTUP**

Garis panduan penubuhan Lembaga Perubatan memerlukan komitmen semua pihak supaya objektif pelaksanaan dapat dicapai dengan jayanya.

Dengan berkuatkuasanya garis panduan ini maka Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 18/2010: Garispanduan Penubuhan Lembaga Perubatan di Jabatan Kesihatan Negeri, Institusi Perubatan dan hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia adalah terbatal.

**CARTA ALIRAN DAN PROSES KERJA**

**PENUBUHAN LEMBAGA  
PERUBATAN**



**Lampiran I**

<b>PROSES KERJA PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN DI JABATAN KESIHATAN NEGERI</b>
---

BIL	AKTIVITI	TANGGUNGJAWAB	TEMPOH
1.	Terima permohonan untuk Penubuhan Lembaga Perubatan	PKN/TPKN (P)	1 hari
2.	Daftar permohonan untuk Penubuhan Lembaga Perubatan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Maklumat Permohonan;                             <ul style="list-style-type: none"> <li>a. <b>Permohonan</b> : Jenis Permohonan, Kategori Agensi</li> <li>b. <b>Pegawai</b> : Nama Pegawai, No. Kad Pengenalan, Tarikh Lahir, Jawatan, Jabatan</li> <li>c. <b>Majikan</b>: Nama Pemohon, Jawatan, Jabatan, Kategori Agensi, Alamat Tetap, Poskod, Nombor Telefon</li> <li>d. <b>Tindakan</b> : Tarikh Terima Permohonan, Tarikh Lengkap Permohonan, Tarikh Hantar ke Hospital, Bayaran, Tarikh Pelantikan Ahli Lembaga, Tarikh Bersidang, Tarikh Terima Keputusan, Tarikh Serah Kepada Pemohon dan Catatan</li> </ul> </li> </ul>	PRP/ PPRP/PT	
3.	Semak dokumen permohonan mengikut kategori; <ul style="list-style-type: none"> <li>3.1 Persaraan atas sebab-sebab kesihatan</li> <li>3.2 Pemeriksaan Kesihatan</li> <li>3.3 Atas arahan Kementerian Kesihatan Malaysia.</li> <li>3.4 WP 6.3 Skim <i>Ex-Gratia</i> Bencana Kerja</li> </ul>	PRP/PPRP/PT	
4.	Hantar surat akuan terima jika permohonan lengkap. <b>PLP A1</b> Jika tidak lengkap, hantar surat mohon maklumat tambahan. <b>PLP A2</b>	PRP/PPRP/PT	
5.	Keluar surat kepada hospital untuk mencalon dan mencadangkan: <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Ahli-ahli Lembaga Perubatan</li> <li>❖ Tarikh/Masa/Tempat Persidangan <b>PLP A3</b></li> </ul>	PKN/TPKN(P) / PRP/ PPRP/PT	1 hari
6.	Terima dan semak pencalonan ahli Lembaga Perubatan dari Pengarah Hospital <b>PLP B2</b>  Jika tidak memenuhi kelayakan, mohon pencalonan semula. <b>PLP A4</b>  Menerima permohonan pencalonan semula <b>PLP B3</b>	PKN/TPKN(P)/ PRP/ PPRP	1 hari


BIL	AKTIVITI	TANGGUNGJAWAB	TEMPOH
7.	Kemukakan surat pelantikan ahli Lembaga Perubatan dan tarikh persidangan kepada pihak hospital <b>PLP A5</b>	PKN/TPKN(P)/PRP/ PPRP	2 hari
8.	Terima satu salinan surat panggilan Persidangan Lembaga Perubatan <b>PLP B4</b>	PRP/ PPRP/PT	1 hari
9.	Terima laporan keputusan Lembaga Perubatan dari hospital <b>PLP B5</b> dan <b>PLP B6 – Akujanji / Bagi Skim Ex-Gratia PLP B6.1 – Akujanji</b>  Surat Penjelasan sebab laporan Lembaga Perubatan tidak dapat dikeluarkan <b>PLP B7</b>	PKN/TPKN(P)/PRP/ PPRP	2 hari
10.	Kemukakan keputusan kepada Pemohon <b>PLP A6</b>	PKN/TPKN(P)/PRP / PPRP	

- **Petunjuk**

- PLP : Penubuhan Lembaga Perubatan
- LP : Lembaga Perubatan
- PKN : Pengarah Kesihatan Negeri
- TPKN(P) : Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan )
- PRP : Pegawai Rekod Perubatan
- PPRP : Penolong Pegawai Rekod Perubatan
- PT : Pembantu Tadbir

**Lampiran II**

**CARTA ALIRAN  
PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN (PLP)  
DI JABATAN KESIHATAN NEGERI**





**Lampiran III**

**PROSES KERJA  
PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN (PLP) PERINGKAT HOSPITAL**

BIL	AKTIVITI	TANGGUNGJAWAB	TEMPOH
1.	<p>Terima, Daftar surat arahan penubuhan dan pencalonan ahli Lembaga Perubatan dari Jabatan Kesihatan Negeri.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Daftar permohonan untuk Penubuhan Lembaga Perubatan</li> <li>• Maklumat permohonan;                             <ul style="list-style-type: none"> <li>a. <b>Permohonan</b> : Jenis Permohonan, Kategori Agensi</li> <li>b. <b>Pegawai</b> : Nama Pegawai, No. Kad Pengenalan, Tarikh Lahir, Jawatan, Jabatan</li> <li>c. <b>Majikan</b>: Nama Pemohon, Jawatan, Jabatan, Kategori Agensi, Alamat Tetap, Poskod, Nombor Telefon</li> <li>d. <b>Tindakan</b> : Tarikh Terima Permohonan, Tarikh Lengkap Permohonan, Tarikh Hantar ke Hospital, Bayaran, Tarikh Pelantikan Ahli Lembaga, Tarikh Bersidang, Tarikh Terima Keputusan, Tarikh Serah Kepada Pemohon dan Catatan <b>PLP A3</b></li> </ul> </li> </ul>	PH /TP (K)/PRP/ PPRP /PT	1 hari
2.	Pencarian / semakan Rekod Perubatan Pesakit (jika perlu)	PRP/ PPRP/ PT	5 hari
3.	<p>Proses mendapatkan pencalonan :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Nama ahli Lembaga Perubatan dari disiplin/jabatan/unit yang berkenaan.</li> <li>❖ Tarikh, Masa dan Tempat Persidangan.</li> </ul> <p><b>PLP B1</b></p>	PH /TP(K)/ Ketua Jabatan Klinikal	25 hari
4.	<p>Kemukakan cadangan ahli Lembaga Perubatan ke Jabatan Kesihatan Negeri.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Nama ahli Lembaga Perubatan dari disiplin/jabatan/unit yang berkenaan.</li> <li>❖ Tarikh, Masa dan Tempat Persidangan</li> </ul> <p><b>PLP B2</b></p>	PH /TP(K) / Ketua Jabatan / PRP/ PPRP	3 hari
5.	<p>Terima surat pelantikan ahli Lembaga Perubatan dari JKN <b>PLPA5</b> Jika perlu pencalonan semula ahli Lembaga dari hospital <b>PLP B3</b></p> <p>Terima Cadangan Semula ahli Lembaga dari JKN <b>PLP A4</b></p>	Ketua Jabatan / PRP/ PPRP	5 hari


BIL	AKTIVITI	TANGGUNGJAWAB	TEMPOH
6.	Keluarkan surat panggilan persidangan Lembaga Perubatan kepada pemohon dan sesalinan kepada JKN <b>PLP B4</b>	PRP/ PPRP	2 hari
7.	Ahli Lembaga Perubatan bersidang	Ahli Lembaga Perubatan	1 hari
9.	Sediakan empat (4) salinan asal Laporan Lembaga Perubatan	Ahli Lembaga Perubatan	7 hari
10.	<p>Kemukakan laporan keputusan Lembaga Perubatan ke JKN <b>PLP B5</b> (Lampiran B/C/ C1/ D3/ Borang Perubatan 3/09) dan <b>PLP B6 – Akujanji/ PLP B6.1 – Akujanji (Skim Ex-Gratia)</b> Surat Penjelasan sebab laporan LP tidak dapat dikeluarkan <b>PLP B7</b></p> <p>Kemukakan Laporan Lembaga Perubatan ke Jabatan Kesihatan Negeri tiga (3) salinan asal dan simpan satu (1) salinan asal di dalam fail Lembaga Perubatan.</p>	PRP/PPRP / PT	3 hari

• **Petunjuk**

- PLP : Penubuhan Lembaga Perubatan
- LP : Lembaga Perubatan
- PH : Pengarah Hospital
- TP (K) : Timbalan Pengarah (Klinikal)
- PRP : Pegawai Rekod Perubatan
- PPRP : Penolong Pegawai Rekod Perubatan
- PT : Pembantu Tadbir

**Lampiran IV**

**CARTA ALIRAN  
PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN (PLP)  
PERINGKAT HOSPITAL**





**Lampiran V**

**PROSES KERJA  
PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN (PLP) PERINGKAT HOSPITAL KUALA  
LUMPUR / YAYASAN PERUBATAN PERSEKUTUAN**

BIL	AKTIVITI	TANGGUNGJAWAB	TEMPOH
1.	Terima Permohonan untuk Penubuhan Lembaga Perubatan	PH/TP (K)	2 hari
2.	Daftar Permohonan untuk Penubuhan Lembaga Perubatan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Maklumat Permohonan;</li> <li>a. <b>Permohonan</b> : Jenis Permohonan, Kategori Agensi</li> <li>b. <b>Pegawai</b> : Nama Pegawai, No. Kad Pengenalan, Tarikh Lahir, Jawatan, Jabatan</li> <li>c. <b>Majikan</b>: Nama Pemohon, Jawatan, Jabatan, Kategori Agensi, Alamat Tetap, Poskod, Nombor Telefon</li> <li>d. <b>Tindakan</b> : Tarikh Terima Permohonan, Tarikh Lengkap Permohonan, Bayaran, Tarikh Pelantikan Ahli Lembaga, Tarikh Bersidang, Tarikh Terima Keputusan, Tarikh Serah Kepada Pemohon dan Catatan</li> </ul>	PRP/PPRP/PT	2 hari
3.	Semak dokumen permohonan. <ul style="list-style-type: none"> <li>3.1 Permohonan untuk tujuan Kemungkinan Persaraan Atas Sebab Kesihatan ( Pekeliling Perkhidmatan Bil 10 Tahun 1995)</li> <li>3.2 Pemeriksaan Kesihatan (Perintah Am Bab“C”&amp; Bab“F”)</li> <li>3.3 Atas arahan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia</li> <li>3.4 Skim <i>Ex-Gratia</i> (Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2001 dan Pekeliling Perbendaharaan WP 6.3 Tahun 2013 – Skim Bayaran Pampasan).</li> </ul>	PRP/PPRP/PT	2 hari
4.	Hantar surat akuan terima jika permohonan lengkap. <b>PLP A1</b> Jika tidak lengkap, hantar surat mohon maklumat tambahan. <b>PLP A2</b>	PRP/PPRP/PT	3 hari


BIL	AKTIVITI	TANGGUNGJAWAB	TEMPOH
5.	<p>Proses mendapatkan pencalonan :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Nama ahli Lembaga Perubatan dari disiplin/jabatan/unit yang berkenaan.</li> <li>❖ Tarikh, Masa dan Tempat Persidangan.</li> </ul> <p><b>PLP B1</b></p>	PH /TP(K) / Ketua Jabatan	35 hari
6.	Keluarkan surat jemputan persidangan Lembaga Perubatan kepada pemohon <b>PLP B4</b>	PRP/PPRP/PT	3 hari
7.	Ahli Lembaga Perubatan bersidang	Ahli Lembaga Perubatan	1 hari
8.	Sediakan Laporan Lembaga Perubatan	Ahli Lembaga Perubatan	7 hari
9.	<p>Kemukakan 2 salinan Laporan Lembaga Perubatan kepada majikan dan simpan sesalinan di dalam fail Lembaga Perubatan. <b>PLP B5</b> (Lampiran B/C/C1/ D3/Borang Perubatan 3/09).</p> <p><b>PLP B6 –</b> Akujanji /Bagi Skim <i>Ex-Gratia</i> <b>PLP B6.1 –</b> Akujanji disimpan didalam fail</p> <p>Surat Penjelasan sebab laporan LP tidak dapat dikeluarkan <b>PLP B7</b></p>	PRP/PPRP / PT	5 hari

• **Petunjuk**

- PLP : Penubuhan Lembaga Perubatan
- LP : Lembaga Perubatan
- PH : Pengarah Hospital
- PRP : Pegawai Rekod Perubatan
- PPRP : Penolong Pegawai Rekod Perubatan
- PT : Pembantu Tadbir
- TP(K) : Timbalan Pengarah (Klinikal)

Lampiran VI

**CARTA ALIRAN  
PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN (PLP)  
PERINGKAT HOSPITAL KUALA LUMPUR / YAYASAN PERUBATAN PERSEKUTUAN**



**LAMPIRAN SS1**

**SENARAI SEMAK  
PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN  
DI JABATAN KESIHATAN NEGERI/ HOSPITAL KUALA  
LUMPUR /YAYASAN PERUBATAN PERSEKUTUAN**

**NAMA PEGAWAI** :  
**NO. KAD PENGENALAN** :  
**TARIKH TERIMA PERMOHONAN** :  
**JABATAN / AGENSI** :

**TANDAKAN:** ( / ) Ada ( x ) Tiada  Tidak berkaitan

BIL	PERKARA	TUJUAN				TARIKH TERIMA
		Persaraan	Pemeriksaan Kesihatan	Arahan KKM	Skim Ex-Gratia	
<b>BAHAGIAN A- SEMAKAN DOKUMEN</b>						
1.	Surat permohonan					
	Lampiran A (P.P 10/1995)					
	Lampiran D2					
	Perubatan 3/09					
2	<b>Dokumen Laporan</b>					
	Lampiran B (P.P 10/1995)					
	Lampiran C ( P.A."F" 20)					
	Lampiran C1					
	Lampiran D3					
	Borang Perubatan 3/09					
	Format berkaitan					
3	Laporan Perubatan terkini					
4.	Senarai tugas pegawai					
5.	Ringkasan laporan tahap kebolehan pegawai menjalankan tugas (PLP J1 /PLP J2) (jika berkaitan)					
6.	Kenyataan cuti sakit dan salinan cuti sakit pegawai yang disahkan oleh jabatan berkenaan (jika berkaitan)					
7.	Salinan Buku Kenyataan Perkhidmatan (jika berkaitan)					
8.	Laporan Psikologi (PLP J3) (jika berkaitan)					
9.	Bayaran (jika berkaitan)					
10.	Tarikh dokumen lengkap diterima pada:					
11.	Hantar Dokumen Permohonan ke hospital					
<b>BAHAGIAN B : PENCALONAN/ PELANTIKAN AHLI LEMBAGA PERUBATAN</b>						
1	Terima senarai pencalonan ahli /Pencalonan semula Lembaga Perubatan dari hospital (PLP B2) - JKN					
	Terima senarai pencalonan ahli /Pencalonan semula Lembaga Perubatan bagi Hospital Kuala Lumpur/ Yayasan Perubatan Persekutuan (PLP B1)					
2	Hantar / Keluarkan Surat Pelantikan ahli Lembaga Perubatan ke hospital (PLP A5)					
<b>Bahagian C : PERSIDANGAN PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN</b>						
1	Akujansi B6 / B6.1 Ex-Gratia					
<b>Bahagian D : KEPUTUSAN PERSIDANGAN PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN</b>						
1	Terima 3 salinan laporan Lembaga Perubatan ( Lampiran B/C/C1/D3/ Borang Perubatan 3/09)					
	(a) Nama Pengerusi dan ahli Lembaga Perubatan					
	(b) Maklumat kecederaan					
	(c) Tarikh bersidang					
	(d) Tandatangan dan Cap					
	(e) Resit bayaran jika berkaitan					
	(f) Surat iringan penghantaran Laporan Lembaga Perubatan siap PLP B5					
2	Keputusan Laporan Lembaga Perubatan Tidak Dapat Dikeluarkan PLP B7					
3	Hantar 2 salinan kepada pemohon					
4	Kemaskini fail					
5	Lain-lain					

**LAMPIRAN SS2**

**SENARAI SEMAK  
PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN  
DI HOSPITAL /JABATAN**

**NAMA PEGAWAI** :  
**NO. KAD PENGENALAN** :  
**TARIKH TERIMA PERMOHONAN** :  
**HOSPITAL/AGENSI** :

**TANDAKAN:** ( /) Ada (x) Tiada  Tidak berkaitan

BIL	PERKARA	TUJUAN				TARIKH TERIMA
		Persaraaan	Pemeriksaan Kesihatan	Arahan KKM	Skim Ex-Gratia	
<b>BAHAGIAN A- SEMAKAN DOKUMEN</b>						
1.	Surat permohonan					
	Lampiran A (P.P 10/1995)					
	Lampiran D2					
	Perubatan 3/09					
2.	<b>Dokumen Laporan</b>					
	Lampiran B (P.P 10/1995)					
	Lampiran C ( P.A. "F" 20)					
	Lampiran C1					
	Lampiran D3					
	Borang Perubatan 3/09					
	Format berkaitan					
3.	Laporan Perubatan terkini					
4.	Senarai tugas pegawai					
5.	Ringkasan laporan tahap kebolehan menjalankan tugas pegawai (PLP J1 / PLP J2)(jika berkaitan)					
6.	Kenyataan cuti sakit dan salinan cuti sakit pegawai yang disahkan oleh jabatan berkenaan (jika berkaitan)					
7.	Salinan Buku Kenyataan Perkhidmatan (jika berkaitan)					
8.	Laporan Psikologi ( PLP J3) ( jika berkaitan)					
9.	Bayaran (jika berkaitan)					
10.	Dokumen lengkap diterima pada:					
<b>BAHAGIAN B : PENCALONAN/ PELANTIKAN AHLI LEMBAGA PERUBATAN</b>						
1.	Hantar Dokumen Permohonan ke Jabatan					
2.	Terima senarai pencalonan ahli Lembaga Perubatan dari Jabatan					
3.	Hantar / Keluar senarai pencalonan ahli Lembaga Perubatan ke JKN (PLP B2)					
4.	Terima surat pelantikan dari JKN (PLP A5)					
5.	Cadangan semula ahli Lembaga Perubatan ke JKN (Jika berkaitan) (PLP B3 )					
<b>BAHAGIAN C : PERSIDANGAN LEMBAGA PERUBATAN</b>						
1.	Lembaga Perubatan bersidang					
2.	Akujanji B6 / B6.1 Ex-Gratia					



BIL	PERKARA	TUJUAN				TARIKH TERIMA
		Persaraaan	Pemeriksaan Kesihatan	Arahan KKM	Skim Ex-Gratia	
<b>Bahagian D : KEPUTUSAN PERSIDANGAN PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN</b>						
1.	Sedia/ Terima Laporan Lembaga Perubatan 4 salinan ( Lampiran B/C/C1/D3/Borang Perubatan 3/09)					
2.	Kemukakan 3 Salinan Asal laporan lengkap Lembaga Perubatan ke JKN					
	(a) Nama Pengerusi dan ahli Lembaga Perubatan					
	(b) Maklumat kecederaan					
	(c) Tarikh bersidang					
	(d) Tandatangan dan Cap					
	(e) Resit bayaran jika berkaitan					
	(f) Surat iringan penghantaran Laporan Lembaga Perubatan siap (PLP B5)					
3.	Simpan 1 salinan Laporan Lembaga Perubatan					
4.	Kemukakan <b>PLP B6 / PLP B6.1</b> (Skim <i>Ex-Gratia</i> ). ke JKN (jika berkaitan )					
5.	Kemukakan Laporan Lembaga Perubatan Tidak Dapat Dikeluarkan <b>PLP B7</b> (Jika berkaitan)					

**BORANG PERMOHONAN DAN LAPORAN**

**PENUBUHAN LEMBAGA  
PERUBATAN**

**LAMPIRAN "A"**  
P.P.10/1995

Rujukan Kami:

Tarikh :

(Pengarah Kesihatan Negeri/  
Pengarah Hospital Kuala Lumpur/  
Pengarah Hospital Universiti )

Tuan,

**PERMOHONAN PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN UNTUK MEMERIKSA KESIHATAN PEGAWAI KERAJAAN BERHUBUNG DENGAN KEMUNGKINAN PERSARAAN ATAS SEBAB KESIHATAN DI BAWAH SEKSYEN 10(5) (a), AKTA PENCEN 1980 (AKTA 227).**

Saya diarah merujuk kepada perkara yang tersebut di atas dan seterusnya memohon supaya ditubuhkan sebuah Lembaga Perubatan untuk memeriksa kesihatan pegawai yang butir-butirnya diberi di bawah ini bagi maksud memberi pendapat sama ada pegawai tersebut berupaya menjalankan kewajipan-kewajipan jawatannya disebabkan oleh kelemahan akal atau tubuh yang mungkin menjadi kekal.

2. Butir-butir pegawai yang akan dihadapkan ke Lembaga Perubatan yang dipohon penubuhannya ini adalah seperti berikut:

- (a) Nama:.....
- (b) Nombor Kad Pengenalan:.....
- (c) Perkhidmatan:.....
- (d) Gred dan Tanggagaji:.....

3. Bersama-sama dikemukakan sesalinan dokumen-dokumen yang berikut untuk pertimbangan Lembaga Perubatan :

- (a) Laporan dari Pegawai Perubatan yang telah merawat pegawai berkenaan:
- (b) Senarai tugas pegawai yang berkenaan; dan
- (c) Maklumat tambahan untuk pertimbangan Lembaga Perubatan (jika ada)

4. Lembaga Perubatan yang ditubuhkan hendaklah dianggotai oleh tidak kurang daripada dua orang Pegawai Perubatan yang mana salah seorang daripadanya hendaklah merupakan pakar perubatan dalam jenis penyakit atau kecederaan yang dialami oleh

pegawai yang akan diperiksa. Lembaga Perubatan ini tidak boleh dianggotai oleh mana-mana Pegawai Perubatan yang pernah merawat pegawai yang berkenaan.

5. Kerjasama tuan dipohon supaya laporan Lembaga Perubatan dikemukakan kepada Kementerian / Jabatan ini dalam borang **Lampiran "B"** kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1995 dalam tempoh dua bulan dari tarikh persidangan Lembaga Perubatan, sepertimana ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan yang sama.

Sekian, atas kerjasama tuan dalam hal ini diucapkan terima kasih.

Tandatangan Pegawai:.....

Nama Pegawai: .....

Jawatan Pegawai:.....

Kementerian / Jabatan:.....

**LAMPIRAN "B"**  
P.P. 10/1995

**LAPORAN LEMBAGA PERUBATAN MENGENAI  
PERSARAAN ATAS SEBAB KESIHATAN  
DI BAWAH SEKSYEN 10 (5) (a),  
AKTA PENCEN 1980 (AKTA 227)**

Nama Pegawai Yang Diperiksa:.....

Nombor Kad Pengenalan:.....

Perkhidmatan:.....

Gred dan Tanggagaji: .....

Tarikh Lahir: .....

1. Lembaga Perubatan telah menjalankan pemeriksaan ke atas pegawai tersebut dan berikut adalah laporan Lembaga Perubatan atas beliau:

(a) Lembaga Perubatan telah ditubuhkan oleh .....\*  
pada.....\*\*. Salinan surat penubuhan Lembaga Perubatan  
dilampirkan. Anggota-anggota Lembaga Perubatan adalah seperti berikut:

(i) Nama Pegawai Perubatan: .....

Jawatan:.....

Kepakaran dalam bidang perubatan:.....

(ii) Nama Pegawai Perubatan : .....

Jawatan : .....

(iii) Nama Pegawai Perubatan : .....

Jawatan: .....

(b) Lembaga Perubatan telah memeriksa pegawai ini pada .....\*\*

di.....+



2. Lembaga Perubatan mengesahkan bahawa pegawai ini adalah -

[ ] dalam kesihatan baik, atau sedang pulih dari.....@, dan akan berupaya menjalankan kewajipan-kewajipan jawatannya berdasarkan senarai tugas beliau.

**[atau]**

[ ] mengidap.....@ dan kelemahan akal/tubuh beliau akan menjadi kekal serta menyebabkan beliau tidak berupaya menjalankan kewajipan-kewajipan jawatannya berdasarkan senarai tugas beliau.

Tandatangan anggota-anggota Lembaga Perubatan:

(1) .....

Nama Penuh:.....

(Pengerusi)

Cop Rasmi:

(2) .....

Nama Penuh:.....

(Ahli Lembaga)

Cop Rasmi:

(3) .....

Nama Penuh:.....

(Ahli Lembaga)

Cop Rasmi:

Tarikh:

- 
- \* Isikan "Pengarah Kesihatan Negeri", "Pengarah Hospital Kuala Lumpur" atau "Pengarah Hospital Universiti"
  - \*\* Isikan tarikh
  - + Isikan tempat
  - @ Nyatakan jenis penyakit atau kecederaan
-

**LAMPIRAN "C"**

**LAPORAN LEMBAGA PERUBATAN  
( P.A. "F" 20)**

**LAPORAN PERUBATAN TENTANG SEORANG PEGAWAI  
DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN**

Nama Pegawai :.....  
Jabatan :.....  
Jawatan :.....  
Tarikh Lahir :.....  
Hospital :.....  
Tarikh :.....

Kami, pegawai-pegawai perubatan yang berikut yang ditubuhkan sebagai sebuah Lembaga Perubatan atas permintaan Ketua Jabatan\*/Ketua Perkhidmatan\* untuk memeriksa pegawai yang tersebut diatas melaporkan yang berikut:-

**1. Sebab Pemeriksaan Dilakukan.**

Pegawai ini dikehendaki untuk diperiksa kesihatannya kerana:

- a) ( ) \*Ia tiada mempunyai apa-apa cuti sakit lagi.
- b) ( ) \* Seorang pegawai perubatan telah memperakukan sedemikian.
- c) ( ) \*Ia telah mengambil cuti sakit sebanyak 45 hari atau lebih bagi tiap-tiap tahun selama 3 tahun yang berturut-turut.
- d) ( ) \*Kesihatan badan/\*kesiuman otaknya diragukan.
- e) ( ) \*Sambungan cuti sakit untuknya telah disyorkan atas sebab-sebab kecederaan yang dialami semasa bertugas.
- f) ( ) \*Disyorkan untuk mendapat cuti separuh gaji\*/ cuti tanpa gaji\* kerana mengidap penyakit tibi/kusta/barah.
- g) ( ) \*Ia meminta untuk diperiksa oleh sebuah Lembaga Perubatan.
- h) ( ) \*Ia perlu diperiksa untuk mengesahkan sama ada ia memerlukan rawatan khas di luar negeri.

**2. Tarikh Pemeriksaan dan Rawatan Perubatan.**

- a) \*Kami telah memeriksa pegawai ini pada.....
- b) \*Kami telah meletakkan pegawai ini di bawah *perhatian perubatan / rawatan perubatan* dari ..... hingga.....
- c) \*Riwayat perubatan pegawai ini, seperti yang kami boleh dapati, adalah sebagai berikut. [ Jikalau panjang buat lampiran ]

.....  
.....  
.....

**3. Pengesahan.**

Kami mengesahkan bahawa pada pandangan kami, pegawai ini adalah:

- a) \*dalam kesihatan yang baik.
- b) \* mengidap  
----- dari.....  
Sedang pulih  
.....  
.....

**4. Pendapat.**

Kami berpendapat bahawa penyakit atau kecederaan pegawai ini:

- a) \*Akan menjadi kekal  
Tidak akan
- b) \*Akan menyebabkan tidak layak untuk menjalankan tugasnya  
Tidak akan sebagai  
.....  
[ sebutkan tugas biasanya]
- c) \*Akan menyebabkannya tidak layak untuk menjalankan apa-apa tugas lain  
Tidak akan

## 5. Syor

- a) \*Kami mengesyorkan dia dianggap sebagai tidak sihat buat selamalamanya\*/ tidak sihat buat sementara\*/ sihat untuk bertugas semula\*.
- b) \*Dia dianggap sebagai sihat untuk perkhidmatan selanjutnya, tetapi atas sebab-sebab kesihatan dia patut diberi cuti seberapa awal yang boleh sebanyak.....minggu.

## 6. Syor / Pandangan Tambahan Lembaga Perubatan

[ sebutkan disini apa-apa syor atau pandangan tambahan Lembaga Perubatan ].

.....  
.....

(1) *Tandatangan Pegawai Perubatan:*.....  
*Nama Penuh:*.....  
*Jawatan :*.....  
*Tarikh :*.....

(2) *Tandatangan Pegawai Perubatan:*.....  
*Nama Penuh:*.....  
*Jawatan :*.....  
*Tarikh :*.....

(3) *Tandatangan Pegawai Perubatan:*.....  
*Nama Penuh:*.....  
*Jawatan :*.....  
*Tarikh :*.....

**\* Potong mana yang tiada berkenaan**

**LAMPIRAN "C1"**

**LAPORAN LEMBAGA PERUBATAN  
LAPORAN PERUBATAN TENTANG SEORANG PEGAWAI DI SEKTOR SWASTA**

Nama Pegawai : .....  
Agensi / Majikan : .....  
Jawatan : .....  
Tarikh Lahir : .....  
Hospital : .....  
Tarikh : .....

1. Kami, pegawai-pegawai perubatan yang berikut yang ditubuhkan sebagai sebuah Lembaga Perubatan atas permintaan Agensi\*/ Majikan\* melalui rujukan surat .....bertarikh .....untuk memeriksa pegawai yang tersebut diatas.

**2. Tarikh Pemeriksaan dan Rawatan Perubatan.**

- a) \*Kami telah memeriksa pegawai ini pada.....
- b) \*Kami telah meletakkan pegawai ini di bawah *perhatian perubatan / rawatan perubatan* dari ..... hingga.....
- c) \*Riwayat perubatan pegawai ini, seperti yang kami boleh dapati, adalah sebagai berikut. [ Jikalau panjang buat lampiran ]

.....  
.....  
.....

**3. Pengesahan.**

Kami mengesahkan bahawa pada pandangan kami, pegawai ini adalah:

c) \*dalam kesihatan yang baik.

d) \* mengidap

----- dari.....

Sedang pulih

.....  
.....



**4. Pendapat.**

Kami berpendapat bahawa penyakit atau kecederaan pegawai ini:

- a) \*Akan menjadi kekal  
Tidak akan
  
- b) \*Akan menyebabkan tidak layak untuk menjalankan tugasnya sebagai  
Tidak akan  
.....  
[ sebutkan tugas biasanya]
  
- c) \*Akan menyebabkannya tidak layak untuk menjalankan apa- apa tugas lain  
Tidak akan

**5. Syor**

- a) \* Kami mengesyorkan dia dianggap sebagai tidak sihat buat selama-lamanya\*/ tidak sihat buat sementara\*/ sihat untuk bertugas semula\*.
  
- b) \* Dia dianggap sebagai sihat untuk perkhidmatan selanjutnya, tetapi atas sebab- sebab kesihatan dia patut diberi cuti seberapa awal yang boleh sebanyak.....minggu.

**6. Syor / Pandangan Tambahan Lembaga Perubatan**

[sebutkan disini apa-apa syor atau pandangan tambahan Lembaga Perubatan].

.....

.....

(1) *Tandatangan Pegawai Perubatan:*.....

*Nama Penuh:*.....

*Jawatan :*.....

*Tarikh :*.....

(2) *Tandatangan Pegawai Perubatan:*.....

*Nama Penuh:*.....

*Jawatan :*.....

*Tarikh :*.....

(3) *Tandatangan Pegawai Perubatan:*.....

*Nama Penuh:*.....

*Jawatan :*.....

*Tarikh :*.....

**\*Potong mana yang tiada berkenaan**

**LAMPIRAN D2**

**SURAT PERMOHONAN PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN/LEMBAGA  
PERUBATAN KHAS BAGI TUJUAN TUNTUTAN BAYARAN SKIM *EX-GRATIA*  
BENCANA KERJA**

Rujukan :  
Tarikh :

Pengarah Kesihatan Negeri

.....  
.....  
.....

Tuan,

